



UJI MINDA SENI TINGKATAN 1

1. Bilakah sejarah Seni Visual tanah air bermula?
 - A. 1930-an
 - B. 1940-an
 - C. 1950-an
 - D. 1960-an
2. Pelukis manakah yang bergiat aktif di negara kita pada awal sejarah seni catan tanah air?
 - A. Abdullah Ariff dan Yong Mun sen
 - B. Yusuf Ghani dan Redza Piyadesa
 - C. Datuk Syed Ahmad Jamal
 - D. Latiff mohidin dan Yusuf Ghnani
3. Apakah unsur seni yang terpenting dan merupakan aktiviti asas dalam melakar dan melukis?
 - A. Garisan
 - B. Warna
 - C. Jalinan
 - D. Rupa
4. Hujan turun lebatnya sehingga membasahi bumi. Titisan hujan tersebut boleh dikategorikan sebagai garisan jenis _____ .
 - A. Putus-putus
 - B. Berpancar
 - C. Berombak
 - D. Melengkung




5. Garisan yang ditunjukkan dalam gambar rajah di atas menimbulkan kesan _____ .
 - A. Rupa
 - B. Warna
 - C. Bentuk
 - D. Jalinan

6. Apakah maksud rupa?
- A. Merupakan hasil pertemuan garisan permulaan dengan penghujungnya.
 - B. Merupakan kesan yang terdapat pada permukaan objek.
 - C. Jarak atau kawasan di sekeliling, atau di antara pada sesuatu objek.
 - D. Merupakan objek atau apa-apa sahaja yang mempunyai ketinggian, kelebaran, keluasan dan kedalaman dan bersifat 3 dimensi.
7. Apakah maksud jalinan?
- A. Merupakan hasil pertemuan garisan permulaan dengan penghujungnya.
 - B. Merupakan kesan yang terdapat pada permukaan objek.
 - C. Jarak atau kawasan di sekeliling, atau di antara pada sesuatu objek.
 - D. Merupakan objek atau apa-apa sahaja yang mempunyai ketinggian, kelebaran, keluasan dan kedalaman dan bersifat 3 dimensi.
8. Bentuk terdiri daripada dua jenis, iaitu bentuk ilusi dan _____.
- A. Bentuk sebenar
 - B. Bentuk jalinan
 - C. Bentuk ruang
 - D. Bentuk konkrit
9. Jalinan yang dapat dirasai melalui sentuhan dikenal sebagai _____.
- A. Jalinan tampak
 - B. Jalina sentuh
 - C. Rupa
 - D. Penegasan
10. Jalinan tampak ialah _____.
- A. Jalinan yang dapat disentuh dan dilihat
 - B. Jalinan yang terdapat pada kulit pokok
 - C. Jalinan yang terdapat pada tayar kereta
 - D. Jalinan yang tidak dapat dirasai melalui sentuhan dan hanya boleh dilihat sahaja.
11. Jalinan sentuh boleh dipindahkan daripada satu objek ke permukaan rata yang lain melalui teknik _____.
- A. Renjisan
 - B. Gosokan dan capan
 - C. Catan dan renjisan
 - D. Renjisan dan capan



12. Karya lukisan di atas dapat menunjukkan konsep ruang yang dikenal sebagai ruang _____ .

- A. Struktur
- B. Konkrit
- C. Maya
- D. Ilusi



13. Berdasarkan gambar rajah diatas, lukisan ini menggunakan _____ .

- A. Satu titik lenyap
- B. Dua titik lenyap
- C. Tiga titik lenyap
- D. Empat titik lenyap

14. Warna utama atau warna asas adalah terdiri daripada warna _____ .

- A. Biru , hijau dan, ungu
- B. Merah, kuning dan hitam
- C. Putih, biru, dan kelabu
- D. Merah, kuning dan biru

15. Campuran dua warna asas akan menghasikan warna sekunder yang terdiri daripada warna _____

- A. Merah, hijau, jingga
- B. Biru, merah, kuning
- C. Hijau, jingga, ungu
- D. Kuning, merah , hitam

16. Manakah antara ruang berikut yang menunjukkan jenis ruang fizikal ?
- A. Ruang rata
 - B. Ruang cetek
 - C. Ruang nyata
 - D. Ruang dalam
17. Apakah fungsi unsur ruang?
- A. Menampakkan jarak antara objek
 - B. Objek dihasilkan berwarna-warni
 - C. Memastikan objek sentiasa kontra
 - D. Semua objek jelas dan tidak kabur.
18. Apakah elemen yang dapat dikaitkan dengan ruang dan perspektif?
- A. Saiz, warna dan jarak
 - B. Bentuk dan imbalan
 - C. Warna dan pergerakan
 - D. Ruang terbuka dan ruang tertutup.
19. Apakah definisi harmoni?
- A. Jarak antara objek wujud dalam nyata
 - B. Penggunaan ruang dalam lukisan dan catan
 - C. Tindak balas cahaya terhadap sesuatu permukaan.
 - D. Berkait rapat dengan penyatuan objek atau elemen rekaan yang sama dalam sesuatu gubahan secara tersusun, teratur dan bersesuaian.
20. Pernyataan yang manakah benar mengenai kontra?
- A. Kontra juga dikaitkan dengan kesatuan
 - B. Kontra menimbulkan kesan keselesaan dalam karya seni visual.
 - C. Kontra wujud apabila unsur seni digunakan secara bertetangan antara satu sama lain.
 - D. Kontra merupakan tindak balas cahaya
21. Mengapakah perkataan pada papan tanda jalan raya menggunakan warna kontra?
- A. Keindahan
 - B. Menarik perhatian
 - C. Tujuan keselamatan
 - D. Mewujudkan kepelbagaian
22. Pernyataan yang manakah boleh dikaitkan dengan penegasan?
- A. Penumpuan unsur seni atau imej yang kelihatan ketara.
 - B. Keadaan unsur seni yang dapat dilihat dalam keadaan seimbang
 - C. Susunan unsur-unsur seni yang menunjukkan pergerakan
 - D. Pernyataan unsur-unsur seni yang menimbulkan kesan harmoni

23. Ciri yang manakah dapat mewujudkan penegasan?
- A. Warna yang kontra
 - B. Garisan yang sama
 - C. Bentuk yang sama
 - D. Rupa yang sama
24. Apakah fungsi penegasan dalam penghasilan poster?
- A. Menyeimbangkan sesuatu keadaan
 - B. Menimbulkan tumpuan atau fokus
 - C. Menyepadukan unsur-unsur seni
 - D. Mewujudkan kesan keseragaman
25. Teknik yang manakah digunakan untuk menghasilkan penegasan?
- A. Elemen yang kontra
 - B. Warna yang harmoni
 - C. Bentuk yang sama
 - D. Unsur jalinan yang sama